



# **PERINCIAN PROGRAM RAKAN KERJASAMA**



People's Association

### **DIKIR RAKYAT**

Dikir barat merupakan salah satu wadah untuk bahasa Melayu berkembang dan maju. Oleh itu, Dikir Rakyat bertujuan untuk menekankan kepentingan dikir barat sebagai satu wadah yang kreatif bagi mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu. Acara ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bengkel Tukang Karut dan Persembahan Dikir Barat. Matlamat bengkel ini adalah untuk memperkenalkan kosa kata baharu dengan cara yang menyeronokkan. Persembahannya pula bertujuan untuk meningkatkan penghayatan terhadap nilai estetika bahasa Melayu dengan cara yang menghiburkan melalui persembahan repertoire lagu-lagu Dikir Barat.

---

### **ACE THE PLACE CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) ACE The Place dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



### **RIANG RIA PERIBAHASA**

Reruai interaktif ini akan mengajak pengunjung mempelajari peribahasa Melayu yang kerap digunakan melalui permainan-permainan seperti teka-teki bergambar, memadankan peribahasa dan lain-lain. Pengunjung juga berpeluang untuk membawa pulang penanda buku yang berkaitan dengan peribahasa di dalam aktiviti tersebut.

---

### **SEKOLAH RENDAH ADMIRALTY**

Ditubuhkan pada tahun 1997, kakitangan dan pendidik di Sekolah Rendah Admiralty komited dan gigih untuk menyediakan persekitaran dan suasana yang baik untuk pendidikan para pelajarnya.





### **PERTEMUAN SASTERA SINGAPURA (3) 2018**

Pertemuan Sastera Singapura (3) 2018 ialah sebuah forum yang akan membincangkan topik-topik seperti “Pilihan Corak Sastera Terkini” dan “Mutu Karya Sastera Kini dan Masa Depan”. Acara ini juga akan mempromosikan buku berjudul Sakura Mekar Di Bumi Berdarah, iaitu sebuah buku antologi puisi dan cerpen yang mengetengahkan kisah-kisah hidup ketika zaman Pemerintahan Jepun dahulu. Para hadirin juga berpeluang untuk berinteraksi bersama para panelis dalam sesi soal jawab.

---

### **ANGKATAN SASTERAWAN (ASAS '50)**

Ditubuhkan pada 6 Ogos 1950, Angkatan Sasterawan '50 (Asas '50) diketuai oleh penulis-penulis berinspirasi seperti Dr Muhd Ariff Ahmad, Masuri Salikun dan kemudian Usman Awang dan Suratman Markasan. Kini, penulis generasi baharu seperti Mohd Latif Mohd dan Abdul Samad Salimin memimpin Asas '50.

Asas '50 memainkan peranan penting dalam memberi pendedahan kepada kesusasteraan Melayu moden. Namanya sinonim dengan perjuangan kemerdekaan dan kebangkitan manusia daripada kemiskinan. Selepas perpisahan dari Malaysia, Asas '50 bertekad untuk membuktikan bahawa bahasa dan sastera Melayu masih mampu bertahan walaupun dalam masa-masa sukar. Asas '50 juga masih bergiat aktif menganjurkan ceramah, forum, bengkel, seminar, peraduan mengarang dan lain-lain lagi kegiatan untuk mengembangkan bahasa dan sastera Melayu terutamanya di Singapura.



### **PERADUAN BERCAKAP PETAH: DA'I JUNIOR**

Peraduan Bercakap Petah: Da'i Junior merupakan sebuah pertandingan yang bertujuan untuk menonjolkan keberkesanan penggunaan bahasa Melayu dalam berpidato. Penyertaan dibuka kepada golongan remaja dan belia, dan format peraduan terbahagi kepada dua kategori, Kategori A (17-18 tahun) dan Kategori B (14-16 tahun).

Sebelum peraduan ini bermula, para peserta akan menghadiri sebuah bengkel yang akan mempersiapkan mereka dengan kemahiran penyampaian dan berpidato serta mengasah penggunaan bahasa Melayu dalam penyampaian mereka. Hanya empat peserta daripada setiap kategori akan mara ke peringkat akhir, dan pemenang akan digelar Imam Muda/Da'i Junior.

---

### **MASJID ASSYAAFAAH**

Masjid Assyaafah dirasmikan pada bulan April 2004 dengan bertujuan untuk menjadi tumpuan masyarakat tempatan dengan menganjurkan kegiatan-kegiatan bagi memenuhi keperluan sosial dan rohani orang-orang Islam setempat.



People's Association

### **ADAT PERKAHWINAN MELAYU**

Pelajari bahasa Melayu melalui sketsa-sketsa majlis perkahwinan Melayu yang akan menonjolkan adat resam perkahwinan masyarakat Melayu. Para hadirian akan berpeluang untuk melihat amalan-amalan perkahwinan dari sudut budaya dan agama seperti akad nikah, bersanding dan berinai. Pada masa yang sama mereka berpeluang memahami dan mempelajari cara-cara budaya ini dipraktikkan pada zaman dahulu dan kini.

---

### **BRADDELL HEIGHTS CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Kelab Masyarakat (CC) Braddell Heights ditubuhkan pada tahun 1989 untuk memenuhi keperluan sosial, budaya dan rekreasi masyarakat Melayu. Ia bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat Braddell Heights dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



People's Association



### **MENYAMBUT BULAN BAHASA DI BUKIT BATOK BERSAMA DIDI & FRIENDS**

Sambutan bersama *Didi & Friends* ini akan memaparkan aktiviti-aktiviti dan persembahan nyanyian dan tarian khas buat kanak-kanak untuk meningkatkan minat mereka terhadap bahasa Melayu, melalui hiburan. Sebuah segmen khas, Mari Membaca bersama seorang selebriti undangan juga akan diadakan untuk ibu bapa dan anak-anak mereka.

---

#### **BUKIT BATOK CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Bukit Batok dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



### **TUNAS 3.0**

Tunas 3.0 ialah sebuah siri pertandingan bahasa dan budaya khas buat pelajar-pelajar prasekolah di mana mereka boleh menonjolkan ilmu dan rasa cinta mereka terhadap bahasa Melayu melalui Busana Kita, iaitu sebuah pertandingan memperagakan pakaian tradisional Melayu dan juga sebuah peraduan nyanyian lagu-lagu rakyat Melayu. Sebuah pertandingan antara keluarga juga akan dianjurkan. Setiap pasukan harus terdiri daripada seorang pelajar prasekolah dan seorang ahli keluarga dewasa dan mereka akan bertanding dalam persempahan lakonan pendek, bernyanyi atau lain-lain lagi.

---

### **BUKIT BATOK EAST CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Bukit Batok East dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



### **PENULISAN NARATIF: TUNJUK DAN CARA PENGEMBANGAN IDEA**

Bengkel ini bertujuan untuk mendidik dan membimbing para pelajar peringkat Darjah 4 hingga Darjah 6 untuk menggunakan teknik-teknik menulis karangan yang baik dengan menggunakan lima panca indera mereka. Mereka juga akan diajar cara-cara untuk memperhaluskan dan memperbaiki idea untuk menghasilkan karangan yang menarik.

---

### **BY DEFINITION PTE LTD**

By Definition Pte Ltd ialah sebuah perusahaan sosial yang membuat penyelidikan, dan mengembangkan usaha-usaha dan menyediakan program-program melalui kerjasama bersama sekolah-sekolah, perusahaan dan badan-badan kemasyarakatan.



People's Association

### **PERSADA JUARA TARI 2018**

Persada Juara Tari merupakan sebuah pertandingan tarian yang akan dihidupkan semula. Ia bertujuan untuk memelihara dan mempertingkatkan budaya Melayu dan menyediakan wahana kepada kumpulan tarian dan pereka tari tempatan untuk mempamerkan bakat mereka dan mengajak mereka mencipta bentuk atau gerak geri tarian yang baharu.

### **MARI KETAWA – MALAM KOMEDI MELAYU DI CAIRNHILL**

Acara bertiket ini akan mempamerkan lakonan-lakonan sketsa lawak oleh ramai pelawak-pelawak baharu dan veteran tempatan, termasuklah Encik Yusoff Maruwi dan Encik Zainal Ihim.

---

### **CAIRNHILL CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Cairnhill dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



## **SAYEMBARA DRAMAKU, BAHASAKU**

Semaikan peribahasa dan pantun dalam drama! Pertandingan yang dianjurkan Sekolah Rendah Canberra ini akan mengajar para peserta cara-cara baharu untuk menulis karya-karya yang menarik.

Dalam pertandingan ini, peserta harus menggunakan peribahasa dan pantun dalam skrip drama mereka. Dengan menyemaikan peribahasa dalam skrip drama mereka, ia diharapkan dapat membantu memupuk rasa cinta mereka terhadap bahasa Melayu. Selain itu, pertandingan ini bertujuan untuk mananam dan memupuk nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian pelajar melalui penggunaan peribahasa.

---

## **SEKOLAH RENDAH CANBERRA**

Sekolah Rendah Canberra ditubuhkan pada tanggal Januari 2000 untuk memenuhi keperluan pendidikan para pelajar dalam kalangan penduduk estet perumahan Sembawang.



People's Association

### **PENA EMAS**

Pertandingan penulisan ini bertujuan untuk menggalakkan para peserta untuk mempelajari kemahiran penulisan yang baik dan penggunaan bahasa Melayu yang cekap dan tepat. Para peserta juga akan mempelajari cara-cara mengembangkan idea-idea kreatif mereka dan mengungkapkan idea-idea ini dalam satu bentuk penulisan yang baik.

---

### **CI YUAN CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Ci Yuan dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



### **BERLUMBA UNTUK SIHAT DENGAN GENG SIHAT!**

Setiap kumpulan yang terdiri daripada empat peserta akan diberikan masa selama satu jam untuk mengunjungi reruai-reruai yang bertema, iaitu Pemakanan, Senaman, Saringan Kesihatan, Kaedah Rawatan dan Perubatan. Peserta akan menjawab pelbagai soalan, melakukan aktiviti dan mencari petunjuk dengan menggunakan bahasa Melayu pada setiap reruai. Bagi setiap tugas yang berjaya dilengkapkan, setiap kumpulan akan diberikan sekeping kad untuk mengumpul pelekat-pelekat. Hadiah misteri akan dimenangi bagi kumpulan yang berjaya mengumpulkan bilangan pelekat yang terbanyak dalam masa yang paling cepat. Pra-pendaftaran diperlukan.

---

### **GENG SIHAT SG**

Geng Sihat SG merupakan sebuah gerakan yang terdiri daripada karyawan kesihatan dalam bidang perubatan, kejururawatan, fisioterapi, pemakanan, sukan dan senaman. Ia dimulakan untuk menggalakkan rakyat Singapura mengawal minda dan tubuh badan mereka melalui gaya hidup sihat.



People's Association

### **CINTAI BAHASA DAN BUDAYA**

Acara ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar-pelajar prasekolah dan ibu bapa mereka. Acara ini juga berharap untuk meningkatkan penghargaan masyarakat terhadap budaya Melayu melalui persembahan budaya dan tarian serta pameran makanan dan pakaian tradisional Melayu. Kegiatan-kegiatan ini juga akan memperkenalkan bahasa dan budaya Melayu dalam kalangan masyarakat berbilang kaum. Ia berharap dapat memperluaskan pandangan masyarakat yang hidup dalam sebuah negara majmuk mengenai kayanya bahasa dan budaya Melayu. Selain itu, sesi bercerita juga akan dikendalikan oleh pegawai Lembaga Perpustakaan Negara.

---

### **HILLVIEW CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Hillview dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



People's Association

### **BULAN BAHASA @ JURONG**

Bulan Bahasa @ Jurong 2018 akan memaparkan program-program yang sesuai untuk semua generasi. Semua lapisan masyarakat berpeluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang memperkenalkan bahasa dan budaya Melayu. Aktiviti-aktiviti ini termasuklah Raja dan Ratu Kurung, sebuah pertunjukan fesyen kanak-kanak dan Resipi Warisan, iaitu sebuah pertandingan masakan tradisional untuk peserta berumur 50 tahun dan ke atas. Kemuncak acara ini ialah Konsert Plethora yang akan menampilkan bakat-bakat tempatan dan artis-artis serantau.

---

### **JURONG GRC MAEC**

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di bawah naungan Jurong GRC bekerjasama dengan Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Yuhua SMC dan Bukit Batok SMC serta Jawatankuasa Pengurusan Kelab-kelab Masyarakat dan pertubuhan akar umbi untuk menjayakan acara ini dengan tujuan untuk mempromosikan bahasa dan budaya Melayu.



People's Association

### **SIMFONI SENI VII**

Simfoni Seni VII ialah sebuah bengkel mengarang lirik lagu Melayu yang dikendalikan oleh Ard (Bhumiband) dan Din Ilango untuk para pelajar sekolah menengah. Mereka akan berkongsi teknik-teknik dan pengalaman mereka dalam mengarang lirik lagu. Para pelajar akan diberikan peluang untuk menghasilkan karangan mereka selepas bengkel ini. Karya-karya yang terpilih akan berpeluang untuk bekerjasama dengan Monstania Musicwork Studios untuk menghasilkan sebuah lagu.

---

### **JURONG GREEN CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Jurong Green dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



People's Association



*Keat Hong CC MAEC*

### **BULAN BAHASA @ CHUA CHU KANG**

Pelbagai aktiviti untuk semua lapisan penduduk, termasuklah persembahan-persembahan dan reruai-reruai menarik yang dikendalikan sekolah-sekolah di kejiranan Chua Chu Kang. Bagi penggemar muzik pula persembahan-persembahan nyanyian juga akan diadakan.

---

#### **KEAT HONG CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Keat Hong dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



## **KERTAS KE PENTAS**

Program ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar-pelajar kepada dua bentuk penulisan yang mungkin kelihatan berbeza. Namun, kedua-dua bentuk penulisan tersebut memerlukan penulis mengenal pasti intipati cerita dan mengolahnya untuk menarik perhatian pembaca.

Program ini terbahagi kepada dua fasa. Bagi fasa pertama (Pengenalan kepada Penulisan Kewartawanan), peserta akan diperkenalkan kepada penulisan kewartawanan. Fokus diberikan kepada penulisan santai (*soft news*). Kemudian, peserta akan diberikan waktu selama tiga minggu untuk menulis rencana akhbar dan siaran untuk Instagram dan Twitter. Bagi fasa kedua pula (Pengenalan kepada Penulisan Monolog), peserta akan dibimbing dan diberikan masa selama satu jam untuk mengolah monolog dramatik selama satu minit berdasarkan rencana akhbar mereka.

Rencana akhbar terbaik akan dipaparkan di laman Facebook KAMUS dan peserta-peserta yang menerbitkan monolog-monolog yang terbaik akan diberikan hadiah. Monolog-monolog terpilih juga akan dipersembahkan pada acara penutup.

---

## **KUMPULAN ANGKATAN MUDA SASTERA**

Kumpulan Angkatan Muda Sastera (KAMUS) telah dirasmikan pada 18 Mac 1989 oleh Dr Muhd Ariff Ahmad. Dengan cogan kata “Ke Arah Perkembangan Pemikiran”, KAMUS bergerak untuk memajukan penggunaan dan pengkaryaan dalam bahasa Melayu. KAMUS telah menjayakan kegiatan-kegiatan sastera seperti ceramah, forum dan bengkel penulisan sajak dan cerpen.



## **BENGKEL MERANGSANG MINAT KANAK-KANAK PRASEKOLAH MEMBACA**

Bengkel ini akan memperkenalkan ciri-ciri penting dalam buku kanak-kanak yang berkualiti dan bersifat mendidik kepada para peserta. Para peserta akan didedahkan kepada sejarah kesusasteraan dan jenis-jenis buku kanak-kanak, khususnya untuk pembaca berumur 4-6 tahun, dan teknik-teknik membaca yang berkesan untuk menggalak mereka lebih banyak membaca.

---

### **DANA KEDWIBAHASAAN LEE KUAN YEW**

Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew ditubuhkan pada 28 November 2011. Dana ini menyokong saranan yang menggalakkan kedwibahasaan dan pembelajaran Bahasa Ibunda sebagai bahasa yang hidup dan perlu dipelajari sepanjang hayat.



### **FORUM BAHAS BAHASA V: PEMARTABATAN BAHASA MELAYU KE PERSADA DUNIA**

Forum bahasa Melayu ini akan membincangkan dan membahaskan tentang masa depan dan keupayaan untuk meluaskan penggunaan bahasa Melayu pada tahap antarabangsa. Ia akan menampilkan beberapa tokoh bahasa Melayu tempatan dan serantau seperti Datuk Dr Awang Sariyan, mantan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia yang merupakan penceramah utama.

### **SAYEMBARA DEKLAMASI PUISI UNTUK KANAK-KANAK DAN REMAJA**

Peraduan deklamasi puisi ini dibuka kepada golongan kanak-kanak, berumur 13 tahun dan ke bawah, serta remaja, berumur 14 hingga 23 tahun. Para pemenang berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik, berupa trofi dan baucer pasar raya.

### **LENTERA PUISI V**

Lentera Puisi V akan memaparkan 50 pembaca puisi yang terdiri daripada para sasterawan, penyair, penulis dan aktivis sastera Melayu daripada Singapura, Malaysia, Indonesia dan Brunei. Ia akan bermula dengan penyampaian syair dan gurindam, diikuti pula dengan persembahan deklamasi sajak serta persembahan rampaian pantun. Ia akan diakhiri dengan persembahan nyanyian lagu puisi beramai-ramai.

---

### **MAJLIS PUSAT SINGAPURA**

Majlis Pusat Singapura ditubuhkan pada tahun 1969 oleh pemimpin-pemimpin masyarakat Melayu/Islam tempatan atas dasar perlunya dan pentingnya mempertingkatkan perpaduan dan keharmonian di dalam kalangan masyarakat Melayu/Islam.



### **BENGKEL PUISI DALAM PENTERJEMAHAN (DALAM BAHASA INGGERIS DAN MELAYU)**

Bengkel terjemahan ini bertujuan untuk menekankan kepentingan melatih penterjemah muda yang mampu menterjemahkan puisi-puisi Singapura yang ada ke dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa-bahasa tempatan yang lain.

### **SIRI KULIAH UMUM: BAHASA YANG MEMBERDAYA/MEMPERDAYA**

Forum ini akan membincangkan kesan-kesan terhadap perkembangan bahasa dan pemahaman para penggunanya melalui domestikasi proses intelektual.

### **FORUM PERANCANGAN BAHASA MELAYU SINGAPURA: ANTARA NOSTALGIA WARISAN DAN DINAMIKA PEMBANGUNAN**

Forum ini akan melihat secara objektif sejarah perkembangan perancangan bahasa Melayu di Singapura dengan menggunakan kerangka Cooper (1980) melalui kempen Bulan Bahasa dan keberkesanannya.

---

### **TAMAN WARISAN MELAYU**

Taman Warisan Melayu (TWM) ditempatkan di bekas Istana Kampong Gelam, yang telah diwartakan sebagai sebuah Tugu Negara pada tahun 2015. Pusat ini memaparkan sejarah, kebudayaan dan sumbangan masyarakat Melayu dalam konteks sejarah dan masyarakat berbilang bangsa Singapura.

Galeri-galeri pameran tetap TWM memberikan tumpuan kepada sejarah Kampong Gelam dan memaparkan pelbagai artifak yang menarik daripada Koleksi Negara dan masyarakat Melayu. Melalui pameran-pameran dan kegiatan-kegiatannya, TWM bermatlamat untuk menjadi tempat kunjungan yang unggul dan berkepentingan dari sudut sejarah dan kebudayaan Melayu buat pengunjung warga Singapura dan antarabangsa. TWM merupakan sebuah institusi warisan yang dikendalikan oleh Lembaga Warisan Negara (NHB).



People's Association

### **BULAN BAHASA @ MARSILING & WOODGROVE**

Acara ini terdiri daripada tiga komponen, iaitu Pendidikan, Permainan Interaktif dan Persembahan Bangsawan. Para pelajar yang terdiri dari sekolah-sekolah undangan akan melakonkan sebuah skit daripada babak kisah-kisah dongeng masyarakat Melayu. Di samping ini, acara ini juga akan memaparkan reruai-reruai yang mempamerkan alat-alat muzik tradisional Melayu. Para pemuzik tradisional Melayu undangan akan memainkan lagu-lagu tradisional Melayu.

Acara kemuncak ialah sebuah persembahan Bangsawan yang bertujuan untuk menghiburkan dan menyingkap kembali aspek-aspek seni persembahan Melayu yang indah kepada para hadirin terutama daripada golongan tua di samping juga memperkenalkan bahasa dan adat istiadat Istana Melayu dahulu kepada golongan muda.

---

### **MARSILING MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Marsiling bekerjasama dengan badan-badan dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penglibatan para penduduk Melayu di kawasan kejiranian untuk mengambil bahagian dalam kegiatan masyarakat dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti yang bermakna dan sesuai mengikut minat dan keperluan mereka. Marsiling MAEC juga memainkan peranan penting dalam menggalakkan keharmonian dan persefahaman antara kaum serta penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



Muslim Healthcare Professionals Association



## **FORUM KESIHATAN BULAN BAHASA OLEH MHPA**

Forum ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang penyakit kencing manis. Ia akan memaparkan ceramah-ceramah interaktif dan reruai-reruai kegiatan. Para peserta boleh melibatkan diri mereka dalam mempelajari cara-cara mencegah atau mengawal penyakit kencing manis.

---

## **PERSATUAN KARYAWAN PENJAGAAN KESIHATAN MUSLIM (MHPA)**

Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Muslim (MHPA) ditubuhkan oleh sukarelawan sejak 10 tahun yang lalu. Ia didirikan oleh sekumpulan doktor bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang kesihatan kepada masyarakat Islam di Singapura. Kini, anggota-anggota sukarelanya terdiri daripada karyawan daripada pelbagai bidang kesihatan termasuk doktor, jururawat, penjaga kesihatan bersekutu, dan pelajar-pelajar penjaga kesihatan.

Persatuan ini semakin giat aktif memainkan peranan untuk menganjurkan aktiviti-aktiviti kesihatan untuk masyarakat. Ia juga sering memberikan pandangan-pandangan dalam bidang kesihatan kepada badan-badan masyarakat Melayu Islam yang lain.



### **KELAB MEMBACA WIRA**

Kelab Membaca Wira bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam bahasa Melayu serta membina tabiat membaca yang baik dalam diri kanak-kanak. Ini dilakukan menerusi sesi-sesi bercerita berserta aktiviti-aktiviti seronok berdasarkan buku cerita yang dibaca.

### **KELAB MEMBACA ILHAM PUSTAKA**

Kelab Membaca Ilham Pustaka terbuka kepada semua pencinta kesusasteraan Melayu. Para peserta akan membincangkan bersama-sama mengenai pelbagai aspek karya-karya terpilih yang dihasilkan penulis-penulis tempatan dan Nusantara.

### **BENGKEL MENGULAS KARYA BERSAMA ENCIK ROHMAN MUNASIP**

Bengkel ini akan mengajar para peserta pelbagai pendekatan mengulas sesebuah karya dengan lebih teliti.

### **GIG PUISI**

Acara tetap ini merupakan suatu wadah untuk para penyajak dan peminat puisi Melayu mempersembahkan pelbagai puisi karya asli dan yang sudah diterbitkan. Ia juga bertujuan untuk meraikan para penulis tempatan, mempromosikan bahan bacaan yang berkaitan genre puisi dan juga menyediakan ruang untuk pelajar serta orang awam bersama-sama membangunkan pengetahuan dan penghargaan terhadap kesusasteraan Melayu dalam suasana santai.

### **BENGKEL MEMUPUK MINAT MEMBACA**

Bengkel interaktif ini akan membimbing para peserta tentang cara-cara memupuk minat membaca dalam diri kanak-kanak. Bengkel ini disasarkan kepada ibu bapa dan pendidik kepada kanak-kanak yang berumur 6 tahun dan ke bawah.

### **MELAYUKAH LAGU KITA?: SEMBANG RASA BERSAMA MOHD KHAIR MOHD YASIN**

Sesi bersempang bersama Encik Mohd Khair ini akan mengetengahkan pendapat dan keprihatinan Encik Mohd Khair tentang nilai-nilai kemelayuan lagu-lagu kini. Beliau juga akan membincangkan beberapa karya-karya beliau sendiri. Bahkan, beliau mungkin sahaja akan turut mendendangkan beberapa buah lagunya yang diminati ramai!

---

## **LEMBAGA PERPUSTAKAAN NEGARA**



Ditubuhkan pada 1 September 1995 sebagai lembaga berkanun, Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) merupakan sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Perhubungan dan Penerangan (MCI). NLB menguruskan Perpustakaan Negara, 26 Perpustakaan Awam dan Arkib Nasional.

NLB menggalakkan pembacaan, pembelajaran dan literasi maklumat dengan menyediakan perpustakaan dan perkhidmatan mendapat maklumat yang mudah ditelusuri, boleh dipercayai dan bertaraf global melalui Perpustakaan Negara dan perpustakaan-perpustakaan awam. Dengan menjalinkan perhubungan yang strategik untuk memupuk perkongsian ilmu, perpustakaan-perpustakaan juga menggalakkan penghargaan dan kesedaran mengenai sejarah Singapura melalui pelbagai acara yang dianjurkan.



People's Association

### **BULAN BAHASA @ NEE SOON**

Bulan Bahasa @ Nee Soon akan memaparkan pelbagai persembahan-persembahan menarik serta reruai-reruai interaktif yang dikendalikan oleh sekolah-sekolah di kejiranan Nee Soon. Pengunjung dapat menyertai dan bermain beraneka aktiviti dan permainan tradisional, termasuk capteh dan congkak. Para pengunjung juga boleh mengumpul setem di setiap reruai dan mereka boleh menebus koleksi setem mereka dengan sebuah hadiah.

Reruai-reruai interaktif akan terbahagi kepada tiga kategori, iaitu Pondok Seni, Pondok Bahasa dan Pondok Budaya. Acara ini bertujuan untuk mendidik dan mendedahkan masyarakat tentang seni, budaya dan bahasa Melayu.

---

### **NEE SOON GRC MAEC**

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di bawah naungan Nee Soon GRC bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab-kelab Masyarakat dan pertubuhan akar umbi untuk menjayakan acara ini dengan tujuan untuk mempromosikan bahasa dan budaya Melayu.



### **JUARA SI CILIK 2018**

Peraduan nyanyian lagu-lagu rakyat ini dibuka kepada pelajar-pelajar peringkat sekolah rendah. Peraduan ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam bentuk menarik dan kreatif melalui persembahan lagu-lagu rakyat dan meningkatkan kesedaran para pelajar mengenai lagu-lagu rakyat.

Para peserta akan dibenarkan untuk mencipta coretan dan mencipta pakaian tersendiri dalam usaha untuk menghiburkan para hadirin. Para pemenang tahun-tahun sebelumnya akan diundang untuk membuat persembahan khas.

---

### **NUSANTARA WORLD MUSIC**

Nusantara World Music menganjurkan pelbagai acara, persembahan dan pameran mengenai budaya dan seni Melayu. Sempena sambutan Bulan Bahasa, ia juga menghasilkan acara-acara seperti Konsert Malam dan peraduan tahunan Juara Si Cilik sejak 2013.



### **AYUH PELAJARI PERIBAHASA!**

Reruai aktiviti ini akan memaparkan sebuah permainan untuk para pengunjung mencuba bermain *Papan Pepatah*, iaitu sebuah papan permainan peribahasa. Para pemain boleh ‘mendirikan kampung’ di serata Singapura sambil menikmati persembahan lagu-lagu peribahasa khas oleh para pelajar.

---

### **SEKOLAH MENENGAH ORCHID PARK**

Sekolah Menengah Orchid Park (OPSS) telah ditubuhkan pada tahun 1999. Antara objektif Jabatan Bahasa Melayu di OPSS adalah untuk menghasilkan pembelajaran yang menarik yang boleh memikat hati para pelajar untuk lebih meminati bahasa Melayu. Selain itu, Jabatan Bahasa Melayu di OPSS juga berwawasan untuk mengenalkan beberapa strategi yang boleh diguna pakai oleh para pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam bahasa Melayu.



## **BERBAHASA DALAM BERSILAT**

Berbahasa Dalam Bersilat akan menampilkan pesilat-pesilat daripada dua perguruan, iaitu Perguruan Silat Seni Gayong Singapura dan Perguruan Seni Silat Pukolan Singapura.

Melalui persembahan-persembahan silat yang menarik ini, para hadirin akan berpeluang mempelajari istilah-istilah istimewa persilatan di dalam bahasa Melayu. Para hadirin juga dapat menyaksikan 50 orang pesilat beraksi diikuti dengan persembahan solo menggunakan senjata dan tanpa bersenjata. Pameran unik yang menampilkan senjata-senjata silat Nusantara dan buku-buku persilatan turut akan diadakan.

---

### **PERGURUAN SILAT SENI GAYONG SINGAPURA**

Perguruan Silat Seni Gayong Singapura adalah sebuah perguruan berdaftar dan merupakan anggota Persekutuan Silat Singapura. Ia mendidik pesilat berdasarkan silabus Silat Seni Gayong yang pertama kali diperkenalkan di Singapura pada tahun 1942. Perguruan ini aktif di kelab-kelab masyarakat. Ia dipimpin oleh guru-guru silat yang telah aktif sejak 45 tahun yang lalu.



### **BAHAS 4PM 2018 – PERINGKAT AKHIR (PERINGKAT POSMENENGAH)**

Bahas 4PM yang dianjurkan buat para pelajar di Singapura, dibuka kepada semua pelajar pra-universiti dan bertujuan untuk menggalakkan dan mempertingkatkan penggunaan bahasa Melayu yang baik di dalam kalangan para pelajar tempatan. Selain itu, ia merupakan wahana untuk para pelajar mengasah kefasihan berpidato dan juga mempertajamkan minda mereka dengan membincangkan isu-isu semasa.

---

### **PERSATUAN PERSURATAN PEMUDA PEMUDI MELAYU (4PM)**

Ditubuhkan pada tahun 1948, Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM) berpandukan misinya untuk mempertingkatkan potensi para belia bagi manfaat masyarakat. Kini, 4PM telah berkembang menjadi sebuah persatuan yang menyediakan khidmat holistik kepada masyarakat dalam banyak lingkup, termasuklah di dalam bidang kebajikan dan sosial, perkembangan para belia, persuratan dan lain-lain lagi.



People's Association

### **MARI BERPANTUN**

Mari Berpantun ialah sebuah pertandingan yang bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam generasi muda supaya mereka boleh menikmati tatkala bertutur di dalam bahasa Melayu.

Pertandingan ini dibuka kepada pelajar-pelajar Darjah 5. Setiap pasukan yang terdiri daripada tiga orang peserta akan mencipta pantun berdasarkan tema yang diberi. Mereka akan bertanding dalam format “jual beli”.

---

### **PUNGGOL PARK CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Punggol Park dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



People's Association



### **TARI KUJUNJUNG BUDAYA KUSANJUNG**

Acara ini meraikan bahasa dan budaya Melayu melalui deklamasi puisi dan persembahan tarian. Kumpulan budaya Melayu dari sekolah-sekolah kejiranan juga akan dijemput untuk membuat persembahan khas dan mengendalikan reruai-reruai pameran. Para pengunjung akan diberikan cenderahati dan berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik dalam cabutan bertuah.

---

### **RIVERVALE CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Rivervale dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



### **BOOM.BUNG: EKSPLORASI BUMBUNG RUMAH TRADISIONAL MELAYU**

Rumah tradisional Melayu memang unik dan ikonik terutama bumbungnya. Oleh itu, reraui pameran ini akan memaparkan bumbung-bumbung tersebut dalam bentuk *Google Sketchup* serta model kadbad untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan para pengunjung tentang khazanah budaya ini. Mereka juga akan didedahkan kepada adaptasi moden bumbung rumah Melayu di Singapura.

Nama-nama bumbung juga akan diperkenalkan dan para pengunjung dapat meneliti dengan lebih dekat reka bentuk bumbung untuk memahami aspek budaya dan elemen persekitaran yang mempengaruhi reka bentuk tersebut.

---

### **SEKOLAH SAINS DAN TEKNOLOGI, SINGAPURA**

Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura (SST) merupakan sebuah Sekolah Bebas Khas yang menawarkan program empat tahun yang tersendiri bagi mempersiapkan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan GCE peringkat 'O'. SST bertujuan untuk membekalkan para pelajar dengan asas yang kukuh dalam bidang akademik dan pembelajaran gunaan untuk membolehkan mereka cemerlang dalam pendidikan pos menengah.



People's Association

### **BULAN BAHASA @ SEMBAWANG**

Acara ini akan mengetengahkan pelbagai adat, budaya dan tradisi Melayu melalui pelbagai reruai kegiatan dan pameran daripada kumpulan tarikan (*interest groups*) dan kursus-kursus ringkas yang dikendalikan oleh divisyen-divisyen Sembawang GRC.

Sebuah skit budaya berjudul ‘Titah-Titah Kontemporari’ juga akan dipersembahkan dalam atur cara pembukaan. Selain itu, deklamasi pantun juga akan diadakan. Finalis-finalis Peraduan Pidato juga akan turut dinobat dalam satu majlis penyampaian hadiah.

---

### **SEMBAWANG GRC MAEC**

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di bawah naungan Sembawang GRC bekerjasama Jawatankuasa Pengurusan Kelab-kelab Masyarakat dan pertubuhan akar umbi untuk menjayakan acara ini dengan tujuan untuk mempromosikan bahasa dan budaya Melayu.



## **MINGGU BAHASA 2018**

Sepanjang Minggu Bahasa 2018, SMU MLCC akan menganjurkan pelbagai aktiviti-aktiviti informatif dan interaktif. Aktiviti-aktiviti ini sesuai untuk pelajar-pelajar Melayu dan pelajar-pelajar yang bukan berbangsa Melayu.

### **Anda Sudahpun Mengenali Bahasa Melayu**

Acara ini merupakan kelas pertuturan bahasa Melayu yang disediakan dalam suasana santai. Melalui sesi ini, para peserta dapat memperoleh kemahiran dalam percakapan bahasa Melayu harian. Kelas ini juga bertujuan untuk menekankan persamaan-persamaan antara bahasa-bahasa rasmi Singapura yang lain.

### **Reruai Perkongsian**

Reruai ini bertujuan untuk berkongsi perubahan dan perkembangan dalam penggunaan bahasa Melayu dahulu dan sekarang. Para hadirin juga dapat mempelajari tentang perkara-perkara yang telah mempengaruhi pembentukan bahasa Melayu.

### **Forum: Sekeliling Bahasa (Kuih-muih!)**

Kuih-muih Melayu akan menjadi tumpuan forum ini. Para peserta dapat mempelajari asal usul nama makanan tradisional Melayu yang disediakan.

### **Nila (Pementasan Teater)**

Buat julung-julung kalinya, pementasan SMU MLCC pada tahun ini bakal diadakan sempena Bulan Bahasa 2018. Pementasan tahun ini berjudul Nila, dan akan menyelami tema kehidupan suami isteri dan mengemukakan isu-isu sosial masa kini. Nila akan dipersembahkan dalam bahasa Melayu dan disertakan dengan sarikata dalam bahasa Inggeris. Pementasan ini merupakan acara kemuncak Minggu Bahasa di SMU dan akan menggabungkan seni persembahan Melayu dalam mengupas isu sosial semasa.

---

### **KELAB BAHASA DAN BUDAYA MELAYU (MLCC) UNIVERSITI PENGURUSAN SINGAPURA (SMU)**

Kelab Bahasa & Budaya Melayu Universiti Pengurusan Singapura (SMU MLCC) ditubuhkan semenjak tahun 2001 dengan tujuan untuk mewujudkan kesedaran dan penghayatan bahasa dan budaya Melayu di dalam kampus dan kepada masyarakat umum.



### **SEMARAK SENI**

Acara ini merupakan pementasan Bangsawan (bab Tajul Arifin) yang terdiri daripada persempahan tarian, lagu dan syair. Para hadirin berpeluang menyampaikan sebaris atau sebabak daripada sebuah skrip kisah moden mengikut gaya Bangsawan. Para hadirin juga boleh berjoget lambak dan sertai segmen aksi rasa kilas (*flashmob*) khas!

---

### **SRIWANA**

Sejak permulaan SRIWANA pada tahun 1950-an, SRIWANA merupakan antara kumpulan seni dalam arena seni tempatan dan sarat dengan pengalaman and pencapaian yang bermanfaat untuk khalayak ramai.

SRIWANA berkembang dengan tujuan untuk mempromosikan dan menaik taraf seni dan budaya Melayu hingga kini. SRIWANA diketuai Puan Fauziah Hanom Yusof dan dibantu Encik Fauzi Anwar. Ia terdiri daripada 30 sukarelawan dewasa dan 30 sukarelawan kanak-kanak dan merupakan badan tidak berdasarkan keuntungan.

Bengkel tarian dan drama diadakan setiap tahun dalam usaha untuk memelihara dan melestarikan seni dan budaya Melayu. Kumpulan ini juga telah mengembara ke acara-acara tarian dan seni luar negara seperti China, Mongolia, Indonesia dan Malaysia.



People's Association



### **SEMARAK WARISAN 2018: MENYAMBUT WARISAN MELAYU**

Acara ini bertujuan untuk memaparkan budaya Melayu yang kaya kepada semua penduduk dan menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti-aktiviti harian mereka. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan penghargaan terhadap budaya Melayu melalui pelbagai aktiviti, termasuk melukis inai dan mewarna wayang kulit. Acara-acara tersebut kemudian diikuti dengan persembahan silat, dikir barat dan tarian Melayu selama dua jam.

---

#### **TAMAN JURONG CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Taman Jurong dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



People's Association



### **GEMA SI CILIK: PERTANDINGAN TARIAN UNTUK PELAJAR-PELAJAR K1 DAN K2**

Pertandingan ini dibuka kepada pelajar-pelajar prasekolah. Setiap kumpulan akan membuat tarian berdasarkan lagu Melayu yang diberikan dan mereka akan diadili berdasarkan persembahan dan kreativiti tarian serta pakaian mereka.

---

#### **TAMPINES CENTRAL CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Tampines Central dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



People's Association



## **GEMA SI CILIK: PERADUAN BERCERITA UNTUK PELAJAR-PELAJAR K1 DAN K2**

Pertandingan bercerita ini dibuka kepada pelajar-pelajar K1 dan K2 di kejiranan Tampines. Setiap peserta akan bertanding dan bercerita berdasarkan tema yang diberikan.

---

### **TAMPINES CHANGKAT CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Tampines Changkat dan Tampines East CC MAEC serta pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



People's Association

### **BULAN BAHASA @ TAMPINES**

Sambutan Bulan Bahasa @Tampines tahun ini bertemakan “Untaian Kata-kata Indah” dan akan memaparkan persembahan-persembahan tarian dan nyanyian yang mencerminkan keindahan puitis bahasa Melayu. Acara ini juga akan diserikan dengan persembahan khas daripada pasukan-pasukan pemenang pertandingan Gema Si Cilik dan akan diakhiri dengan sesi tarian dan nyanyian-bersama mengikut rentak dan susunan lagu tema Bulan Bahasa yang baharu.

---

### **TAMPINES GRC MAEC**

Jawatankuasa-jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di bawah naungan Tampines GRC bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab-kelab Masyarakat dan pertubuhan akar umbi untuk menjayakan acara ini dengan tujuan untuk mempromosikan bahasa dan budaya Melayu.



People's Association



TAMPINES NORTH  
GRASSROOTS ORGANISATIONS



### **GEMA SI CILIK: PERTANDINGAN SKIT UNTUK PELAJAR-PELAJAR PRASEKOLAH**

Pertandingan skit ini dibuka kepada pelajar-pelajar prasekolah di kejiranan Tampines. Setiap kumpulan yang menyertai akan melakonkan skit bertemakan nilai-nilai kemasyarakatan. Mereka akan diadili mengikut sebutan, kreativiti, kesesuaian topik dan persempahanan keseluruhan mereka.

---

### **TAMPINES NORTH CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Tampines North dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



### **GEMA SI CILIK: PERADUAN NYANYIAN UNTUK PELAJAR-PELAJAR PRASEKOLAH**

Peraduan ini dibuka kepada pelajar-pelajar prasekolah di kejiranan Tampines. Setiap kumpulan yang menyertai peraduan ini akan diberi pilihan untuk mempersembahkan lagu-lagu klasik kanak-kanak seperti Bangau Oh Bangau, Chan Mali Chan, Jong Jong Inai, Lompat Si Katak Lompat, dan Tanya Sama Pokok. Mereka akan diadili mengikut sebutan, kreativiti dan persembahan keseluruhan mereka.

---

### **TAMPINES WEST CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Tampines West dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



People's Association



### **ALUNAN DIKIR 2018**

Alunan Dikir 2018 merupakan pertandingan dikir barat yang menampilkan persembahan yang menyatukan gerakan tari, penggubahan muzik dan karya sastera daripada 20 kumpulan dikir lelaki dan wanita.

Para hadirin akan dapat menikmati semangat berdikir, keindahan puitis dan kepelbagaiannya bahasa Melayu dalam setiap persembahan dikir barat dalam acara ini. Para hadirin dijemput untuk memahami makna-makna tersirat dan pengajaran di sebalik persembahan-persembahan ini.

---

### **TAMPINES WEST CC YEC**

Jawatankuasa Eksekutif Belia (YEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Tampines West serta kumpulan Dania Aniqah, ahli kumpulan seni Melayu di bawah naungan Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Belia Kelab Masyarakat Tampines West pada tahun 2012. Sejak itu, Dania Aniqah telah bertanding di beberapa pertandingan peringkat nasional dikir barat, membuat persembahan di acara-acara nasional dan kelab masyarakat dan telah menubuhkan dua lagi cabang – sebuah kumpulan teater Melayu yang dinamakan ARAS pada tahun 2015 dan kumpulan dikir barat lelaki yang dinamakan Ilhan Kirana pada tahun 2017.



People's Association

### **BIJAK MENGEJA**

Bijak Mengeja merupakan satu pertandingan yang bertujuan untuk menggalakkan dan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan generasi muda. Pertandingan ini akan memperkenalkan perkataan-perkataan baharu dan menyelidik maksud-maksud di sebalik perkataan-perkataan itu. Para peserta akan bertanding dalam enam pusingan saringan. Kemudian, 12 peserta akan dipilih untuk melangkah ke pusingan akhir.

Pelbagai reruai aktiviti seni Melayu termasuk mencetak batik and membuat kraf tangan juga akan diadakan di samping pertandingan ini.

---

### **TECK GHEE CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Teck Ghee dan pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



### **CIPTA CITA 2018: PEMBACAAN SKRIP BERSAMA TEATER EKAMATRA (PUNGGAH OLEH JOHNNY JON JON DAN WE BITE OUR TONGUES OLEH ZIZI AZAH ABDUL MAJID)**

*Punggah* karya Johnny Jon Jon dan *We Bite Our Tongues* hasil tulisan Zizi Azah Abdul Majid, merupakan kisah-kisah yang membincangkan isu-isu sosial dan karya-karya ini akan dipersembahkan dalam bentuk pembacaan skrip. Ia akan diadakan dalam dua sesi berbeza dan diikuti dengan sesi perbincangan yang dikendalikan oleh Encik Jamal Mohamad. Acara ini diadakan sempena ulang tahun Teater Ekamatra yang ke-30.

### **CIPTA CITA 2018: PENULISAN DAN PENGKONGSIAN SKRIP BERSAMA MAIN TULIS GROUP**

Bengkel ini khas untuk peserta yang sedang menulis atau masih dalam proses penulisan skrip. Mereka yang berminat untuk menyertai bengkel ini haruslah mendaftarkan diri dan hantarkan skrip sebelum 8 September 2018. 10 orang penulis akan dipilih untuk menyertai bengkel ini. Skrip-skrip yang dihantar haruslah ditulis dalam bahasa Melayu. Bengkel ini juga akan dibuka kepada 10 orang yang ingin memerhati dan mempelajari proses penulisan skrip dengan lebih lanjut. Acara ini akan dikendalikan di dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

---

### **THE ESPLANADE CO LTD**

Esplanade merupakan pusat seni kebangsaan Singapura. Ia menyampaikan lebih daripada 3,000 persembahan pada setiap tahun. Sebagai pusat seni untuk semua, Esplanade menyediakan peluang bagi warga emas, belia, kanak-kanak dan masyarakat yang kurang upaya dan kurang berkemampuan untuk mendekati persembahan seni. Lebih daripada 70 peratus persembahan di Esplanade adalah percuma. Esplanade bekerjasama dengan artis-artis tempatan, serantau dan antarabangsa untuk mengembangkan kebolehan dan kandungan artistik. Esplanade juga bertujuan untuk meluaskan sempadan-sempadan seni dan menarik penglibatan penonton. Ia juga mengembangkan kebolehan teknikal industri seni Singapura.



### **PANTANG NENEK MOYANG AKU! (SIRI 2): SERUPA TAPI TAK SAMA**

Pantang Nenek Moyang Aku! yang pertama kali diadakan pada tahun 2016 merupakan sebuah forum bersempang ala *talkshow* yang bakal membincangkan pantang larang dalam kalangan generasi lebih tua dalam masyarakat Melayu. Antara topik yang akan dibincangkan termasuk pantang larang di dapur seperti larangan bernyanyi sambil memasak dan juga pantang larang umum lain seperti larangan memotong kuku pada waktu malam. Para hadirin juga berpeluang untuk berinteraksi bersama para panelis.

---

### **VARIASI PERFORMING ARTS**

Variasi Performing Arts ditubuhkan oleh sekumpulan aktivis seni pada tahun 2001. Dimulakan sebagai Kelab Tarian dan Drama pada tahun 2000 Variasi telah berkembang menjadi syarikat seni persembahan yang dibentuk khas untuk remaja-remaja di Singapura. Variasi yang membawa maksud kepelbagaiannya atau *variety* menggabungkan aspek tradisional dan kontemporari seni persembahan Melayu termasuk teater, tarian dan muzik. Variasi bertujuan untuk menyediakan latihan dan ilmu artistik dalam aspek industri hiburan, pengurusan teater dan program pendidikan seni. Keutamaan pertubuhan ini adalah untuk menyediakan wahana untuk bakat-bakat muda memupuk bakat mereka. Mereka juga boleh meningkatkan potensi kreativiti mereka dengan memberikan peluang untuk mereka meneruskan minat mereka menurut keupayaan unik mereka.



## **BICARA BERIRAMA**

Bicara Berirama merupakan persembahan koir yang menonjolkan budaya dan bahasa Melayu melalui nyanyian, prosa, puisi dan jenaka. Persembahan ini melibatkan suara-suara individu yang dipadukan untuk menyampaikan sebuah mesej.

---

## **SEKOLAH RENDAH WELLINGTON**

Sekolah Rendah Wellington bercita-cita dan berusaha menjadi sebuah institusi cemerlang yang menyediakan pentas untuk pelajar-pelajar berdaya saing di persada dunia.

Bagi melahirkan pelajar-pelajar sebagai pemimpin budaya, kami memupuk nilai-nilai Arif Budiman dalam diri mereka. Sekolah Rendah Wellington juga memberi inspirasi kepada mereka untuk menjadi individu yang berilmu dan bersemangat untuk berkhidmat kepada masyarakat melalui pelbagai wahana seperti Bulan Bahasa.



People's Association

### **BULAN BAHASA – PERSEMBAHAN BUDAYA**

Acara ini akan memaparkan satu permainan berlandaskan konsep permainan *escape room* (melepaskan diri daripada bilik yang terkunci). Para peserta harus selesaikan kuiz berdasarkan empat tema, iaitu Cerita Dongeng, Budaya Melayu, Tokoh-tokoh Melayu dan Filem-filem Melayu, bagi tujuan untuk melepaskan diri.

Pementasan-pementasan khas, termasuk pertunjukan silat dan persembahan tarian Melayu juga akan diadakan. Di samping itu, terdapat para pelajar yang akan mempersembahkan lagu-lagu Melayu melalui karya dan hasil mereka sendiri.

---

### **WOODLANDS MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Woodlands dan Woodlands Galaxy serta pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



People's Association



### **YUHUA BULAN BAHASA I – PERTANDINGAN KOMPANG**

Pertandingan ini bertujuan untuk memupuk minat para belia masyarakat Melayu terhadap budaya tradisional Melayu. Pertandingan ini dibuka kepada semua dan akan diacarakan sepenuhnya dalam bahasa Melayu.

### **YUHUA BULAN BAHASA II – SESI BERSEMBAng**

Forum bersempang ala *talkshow* ini akan mempamerkan dua artis Melayu tempatan, Encik Zainal Ihim dan Encik Jamil Yunos dalam sebuah sesi perkongsian. Mereka akan membincangkan tentang sejarah di sebalik nama jalan Melayu di Singapura secara santai. Kedua-dua artis ini juga akan mengongsikan tentang peribahasa, simpulan bahasa dan kata majmuk di dalam penyampaian mereka untuk menonjolkan keindahan bahasa Melayu.

### **YUHUA BULAN BAHASA III – LENTUR BULUH**

Dalam usaha untuk menggalakkan penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian, acara ini akan membawa para ibu bapa dan anak-anak melawat Kebun Kok Fah. Lawatan ini akan dikendalikan dalam bahasa Melayu untuk memupuk penghargaan terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka.

---

### **YUHUA CC MAEC**

Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Kelab Masyarakat (CC) Yuhua serta pertubuhan akar umbi untuk meningkatkan penyertaan masyarakat Melayu di dalam kursus-kursus, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya yang berkaitan dengan penggunaan dan penggalakan bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga kegiatan-kegiatan yang menggalakkan persefahaman antara kaum dan penghargaan silang budaya dalam masyarakat majmuk.



## **MENGUNGKAP SEJARAH MENGENANG JASA**

Reruai interaktif ini mengundang pengunjung untuk menyingkap sejarah dan meraikan sumbangan para perintis dan pemimpin Singapura. Selain menikmati sebuah pameran khas, pengunjung juga boleh menyingkap kembali sejarah Singapura melalui permainan papan, teka-teki gambar dan kuiz ICT. Semua pengunjung akan membawa pulang tanda buku edisi khas dan kad Kata-kata Carian. Cenderahati menarik juga menantikan pengunjung yang berjaya menyelesaikan teka-teki dan kuiz.

## **PENTAS DRAMA @ YISS (MENJEMUR SEMENTARA PANAS – HILANG BAHASA LENYAP BANGSA**

Pentas Drama @ YISS ialah sebuah bengkel drama bahasa Melayu yang dibuka kepada pelajar-pelajar Darjah 4 hingga Darjah 6. Bengkel interaktif ini akan mengajar para peserta tentang Bangsawan dan pelbagai teknik-teknik dan ilmu persembahan drama. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang Bangsawan sebagai bentuk seni tradisional Melayu, menggalakkan penggunaan and penghargaan terhadap bahasa Melayu dan bantu membina keyakinan diri dan memupuk kreativiti para peserta melalui drama.

---

## **SEKOLAH MENENGAH YUSOF ISHAK**

Sekolah Menengah Yusof Ishak dirasmikan pada tanggal Julai 1966. Visi Sekolah Menengah Yusof Ishak adalah untuk memupuk “Cendekiawan, Ahli Sukan dan Negarawan” dalam kalangan pelajar yang dapat mencontohi perwatakan Encik Yusof Ishak. Unit Bahasa Melayu sekolah ini juga aktif melibatkan para pelajar dalam program dan aktiviti-aktiviti seperti kuiz, drama dan mengambil bahagian dalam peraduan-peraduan agar dapat memupuk minat serta mencintai bahasa dan budaya Melayu.



## **Senarai Rakan Kerjasama:**

1. ACE The Place CC MAEC
2. Sekolah Rendah Admiralty
3. Angkatan Sasterawan 50 (ASAS '50)
4. Masjid Assyafaah
5. Braddell Heights CC MAEC
6. Bukit Batok CC MAEC
7. Bukit Batok East CC MAEC
8. By Definition Pte Ltd
9. Cairnhill CC MAEC
10. Sekolah Rendah Canberra
11. Ci Yuan CC MAEC
12. Geng Sihat SG
13. Hillview CC MAEC
14. Jurong GRC MAEC
15. Jurong Green CC MAEC
16. Keat Hong CC MAEC
17. Kumpulan Angkatan Muda Sastera (KAMUS)
18. Dana Kedwibahasaan Lee Kuan Yew (LKYFB)
19. Majlis Pusat Singapura
20. Taman Warisan Melayu
21. Marsiling MAEC
22. Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Muslim (MHPA)
23. Lembaga Perpustakaan Negara (NLB)
24. Nee Soon GRC MAECs
25. Nusantara World Music
26. Sekolah Menengah Orchid Park
27. Perguruan Silat Seni Gayong Singapura
28. Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi (4PM)
29. Punggol Park CC MAEC
30. Rivervale CC MAEC
31. Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura
32. Sembawang GRC MAECs
33. Universiti Pengurusan Singapura (SMU) Kelab Budaya dan Bahasa Melayu
34. SRIWANA
35. Taman Jurong CC MAEC
36. Tampines Central CC MAEC
37. Tampines Changkat CC MAEC
38. Tampines GRC MAECs
39. Tampines North CC MAEC
40. Tampines West CC MAEC
41. Tampines West CC YEC
42. Teck Ghee CC MAEC
43. The Esplanade Co Ltd
44. Variasi Performing Arts
45. Sekolah Rendah Wellington
46. Woodlands MAEC
47. Yuhua CC MAEC
48. Sekolah Menengah Yusof Ishak